



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1985**

**Permohonan Pecah Bahagian Oleh Pemilik Berdaftar Tanah Atau
Pemilik Berdaftar Bersama Tanah Yang Mempunyai Syer Majoriti
(Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 7/1985
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1985

**Permohonan Pecah Bahagian Oleh Pemilik Berdaftar Tanah Atau Pemilik Berdaftar
Bersama Tanah Yang Mempunyai Syer Majoriti (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan menasihat Pentadbir Tanah mengenai permohonan pecah bahagian tanah yang boleh dibuat oleh pemilik berdaftar atau pemilik berdaftar bersama yang mempunyai syer majoriti sebagaimana yang dinyatakan oleh seksyen 141A Kanun Tanah Negara 1965 tanpa persetujuan daripada pemilik berdaftar bersama yang lain.

2. Menurut subseksyen 142(3), apabila Pentadbir Tanah menerima permohonan pecah bahagian tanah, ia hendaklah memberitahu pemilik berdaftar bersama yang turut serta. Pemberitahu itu bolehlah seperti **Lampiran 'A'**. Sebarang bantahan berserta dengan alasan-alasannya hendaklah dibuat dalam tempoh 28 hari dari tarikh penerimaan notis tersebut.
3. Selepas tamat tempoh tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengadakan suatu siasatan jika terdapat apa-apa bantahan dari pemilik berdaftar bersama yang tidak turut serta itu. Notis mengadakan siasatan hendaklah dibuat dalam Borang 2A Kanun Tanah Negara 1965 dan hendaklah disampaikan kepada pemohon dan pemilik berdaftar bersama yang membuat bantahan. Jika terdapat alasan-alasan yang memuaskan Pentadbir Tanah hendaklah menolak permohonan pecah bahagian itu atau mengesyorkan penolakannya kepada pihak berkuasa yang menimbangkan permohonan tersebut. Jika tiada bantahan atau alasan-alasan yang memuaskan dan selepas mempertimbangkan dengan sepatutnya, Pentadbir Tanah boleh meluluskan permohonan itu atau mengesyorkan kelulusannya kepada pihak berkuasa yang menimbangkan permohonan.
4. Perkara-perkara yang dinyatakan dalam Pekeliling ini adalah untuk perhatian dan tindakan Pentadbir Tanah.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

**NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN
TANAH**
[SUBSEKSYEN 142(3)]

1. Kepada
.....
beralamat di
.....
tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam jadual di bawah.
2. Diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada
.....
beralamat pada
..... hari bulan 20.....
3. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

Bertarikh pada hari bulan 20.....

.....
Pentadbir Tanah

JADUAL TANAH				
*Bandar/ Pekan/ Mukim	*No. Lot/ P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Tuanpunya bersama	Bahagian Yang Tidak Dipecahkan

*Potong sebagaimana yang sesuai.

**NOTIS SIASATAN MENGENAI PERMOHONAN MENGENAI PECAH BAHAGIAN TANAH
[SUBSEKSYEN 142(4)]**

1. Kepada
..... beralamat di
..... tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam jadual di bawah.
2. Bahwasanya saya telah menerima bantahan terhadap permohonan pecah bahagian tanah dalam Jadual daripada
..... beralamat
pada hari bulan 20
3. Diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan mengenai permohonan tersebut di pada hari bulan 20 jam *pagi/petang.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Pentadbir Tanah

JADUAL TANAH				
*Bandar/ Pekan/ Mukim	*No. Lot/ P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Tuanpunya bersama	Bahagian Yang Tidak Dipecahkan

*Potong sebagaimana yang sesuai.